

Promosi pelancongan penting: PM

B.H 25 AUG 1992
(h)
KUCHING, Isnin — Industri pelancongan memerlukan pelaburan lebih besar kerana ia mempunyai potensi yang luas serta mampu berkembang pesat di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata pelaburan sahaja tidak mencukupi jika tidak ada promosi untuk memajukan industri itu.

"Misalnya, kerajaan memperuntukkan \$100 juta untuk membiayai promosi pelancongan pada Tahun Melawat Malaysia 1990. Usaha ini ternyata membawa hasil apabila jumlah pelancong meningkat 57 peratus pada tahun itu.

"Industri ini masih boleh meningkat jika kita mempunyai kemudahan lebih baik," katanya ketika merasmikan upacara memecah tanah projek Sheraton Santubong Resort, kira-kira 35 kilometer dari sini hari ini.

Menurutnya, industri pelancongan di Malaysia bermula apabila kerajaan menubuhkan kementerian khusus untuk industri itu. Sebelum itu, ia diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

"Di bawah kementerian sebelumnya, industri pelancongan tidak mendapat perhatian serta peruntukan yang mencukupi bagi promosi. Bagaimanapun setelah kita tubuhkan kementerian khusus, industri ini mendapat peruntukan cukup dan mula diberi perhatian," katanya.

Mengenai pusat peranginan yang turut menyediakan sebuah padang golf tercantik di Malaysia, Dr Mahathir berkata ia akan menjadi satu lagi daya tarikan kepada pelancong ke Sarawak.

Bercakap kepada pemberita kemudian, beliau menjelaskan masalah kekurangan penerbangan terus untuk membawa pelancong ke Kuching akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet minggu ini.

"Saya sendiri akan membangkitkan usaha Kerajaan Pusat bagi membantu memajukan industri pelancongan di Sarawak dalam mesyuarat itu nanti," katanya.

Pusat peranginan milik Home & Hotel Holdings Sdn Bhd itu akan dibina di kawasan seluas 14 hektar dan menyediakan 450 bilik termasuk 150 bilik khas untuk pemain golf.